

15/10/2000

Cermin gelap, iklan pada bas mungkin dilarang

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menimbang mengharamkan semula penggunaan cermin gelap serta penampalan iklan di dinding bas bagi mengelak kejadian tidak diingini, seperti kes bunuh dan merogol penumpang dalam kenderaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penggunaan cermin gelap sebelum ini pernah diharamkan, tetapi dibenarkan setelah orang ramai merayu.

"Kita timbang perkara ini semula. Dulu kita tidak benar cermin gelap," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Ke-47 Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi PPP, Datuk M Kayveas, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu serta beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) lain.

Dr Mahathir diminta mengulas kejadian mangsa pembunuhan kejam di dalam sebuah bas ekspres, Suzaily Mukhtar, di Klang, Sabtu lalu.

Suzaily, 24, seorang jurutera komputer disyaki dibunuh selepas dirogol dan diliwat oleh pemandu bas yang dinaikinya itu.

Mayat Allahyarham Suzaily ditemui tanpa seurat benang di tengah pembahagi jalan di Jalan Kim Chuan, Klang oleh orang ramai kira-kira jam 3.30 petang.

Perdana Menteri berkata, meskipun kes seperti itu jarang berlaku, penggunaan cermin hitam dan iklan menyebabkan orang ramai sukar mengetahui apa berlaku di dalam kenderaan.

"Orang dalam (bas) nampak di luar, tapi orang di luar tidak nampak di dalam. Sekarang ini disapunya cat untuk iklan.

"Oleh itu, kita perlu lihat tentang (penggunaan) cermin hitam, kemudian disapunya iklan sampai tidak boleh nampak langsung di dalam. Apa jadi di dalam, kita tidak tahu sekarang ini. Pasal iklan ini, kita kena fikirkan balik," katanya.

Mengenai permintaan orang ramai supaya kerajaan mengetatkan peraturan mengambil pemandu bas ekspres dan pengangkutan awam lain, Perdana Menteri berkata: "Yalah, ini bukan satu perkara yang selalu berlaku. Kita tidak boleh tentukan seseorang itu siuman atau tidak. Tapi, dia tidak langsung dapat mengawal nafsunya."

Mengenai sikap orang ramai yang dikatakan enggan membantu apabila menyaksikan mangsa melambai-lambai meminta pertolongan, Dr Mahathir berkata, sikap seperti itu amat dikesali.

"Sikap orang ramai cuma tulis surat kepada surat khabar, maki kerajaan. Tapi mereka sendiri tidak ambil tindakan," katanya.

(END)